

28/10/1997

Spekulator punca krisis Hong Kong (HL)

Mior Kamarul Shahid in Edinburgh

EDINBURGH, Isnin -Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menjelaskan kejatuhan pasaran saham di Hong Kong minggu lalu, mula meyakinkan sesetengah negara, termasuk beberapa negara maju terhadap berlakunya spekulasi dan manipulasi pasaran, bertentangan dengan kepercayaan mereka sebelum ini yang mengatakan ia hanyalah semata-mata kesan kuasa pasaran (market forces).

"Saya berpendapat mereka sudah sedar bahawa ini adalah hasil manipulasi," katanya kepada wartawan Malaysia pada akhir Persidangan Ketua-Ketua Negara Komanwel (CHOGM) di sini, hari ini.

"Pada satu tahap, mereka menganggap kita sebagai pesaing. Mereka tidak begitu berminat sehingga saya beritahu bahawa mereka akan kehilangan pasaran. Kami adalah pasaran yang besar. Jika keadaan ini akan menjadikan kami miskin, kami akan kurang membeli daripada mereka. Tentunya ia boleh memberi kesan kepada mereka," katanya.

Bagaimanapun, katanya, masih ada juga keinginan sesetengah daripada mereka mempertahankan apa yang dipanggil sebagai kuasa pasaran.

"Bagi mereka, pasaranlah yang menentukan nilai. Walaupun kita jelaskan melalui jualan jangka pendek dengan mudahnya boleh menyebabkan nilai jatuh, mereka masih juga bercakap ini sebagai kuasa pasaran seolah-olah ia menjadi satu kepercayaan agama kepada mereka," katanya.

Dr Mahathir ditanya kesan serangan spekulasi dan manipulasi di pasaran Hong Kong yang turut memberi kesan negatif kepada negara-negara Eropah. Ini menunjukkan ia adalah satu fenomena global, bukan lagi fenomena Asia.

Perdana Menteri menjelaskan, negara maju sepatutnya mempunyai pengetahuan mendalam mengenai perkara ini.

"Kebanyakan mereka tidak faham. Sama juga dengan kita dulu. Apabila mata wang Mexico jatuh, kita berpendapat bahawa ada sesuatu yang tidak bijak dilakukan oleh Mexico. Disebabkan Mexico jauh daripada kita, kita tidak mendalami cara mata wang ditentukan.

"Sekarang, bila ia berlaku kepada kita, barulah kita tahu, kita selidik. Tetapi, bagi sesetengah negara maju, mereka berasa negara mereka terasing dan dilindungi daripada perkara ini. Bagi mereka ia adalah dagangan mata wang biasa," katanya.

Dr Mahathir berkata mereka juga tidak faham mekanisme dagangan wang yang mana dengan modal yang cukup besar boleh menjatuhkan nilai mata wang.

"Ramai daripada mereka berpendapat jika sesuatu ekonomi itu tidak berjalan dengan baik, dengan sendirinya mata wang akan jatuh.

"Ini tidak selalunya benar. Nilai wang tidak jatuh dengan sendiri tetapi disebabkan ada orang yang meniagakan wang, baru jatuh," katanya.

Mengenai sistem amaran awal yang disebut dalam Deklarasi Ekonomi kelmarin, Perdana Menteri menjelaskan ia seolah-olah menunjukkan kurangnya pemahaman sesetengah negara mengenai mekanisme dagangan mata wang.

Menurutnya sistem itu disebut dalam deklarasi kerana mereka tidak jelas mengenai manipulasi wang.

Bagi mereka, ia mempunyai kaitan dengan pengurusan ekonomi.

Mereka berpendapat, apabila berlaku kejatuhan imbalan pembayaran, ia adalah amaran awal.

"Apa yang mereka tidak faham ialah ia bukanlah turun naik biasa mata wang. Ini adalah turun naik nilai yang dimanipulasikan.

Dr Mahathir menjelaskan, mereka begitu terpengaruh dengan kuasa pasaran yang dikatakan punca nilai wang jatuh.

"Ia begitu mempengaruhi pemikiran mereka.

"Mereka berpendapat kita melakukan penipuan.

"Sebagai contoh bila saya menjelaskan bank di Malaysia membuat keuntungan yang besar, mereka berpendapat ada sesuatu yang tidak kena dilakukan," katanya.

(END)